

Etika^{dan} Pembangunan Masyarakat

**SURAIYA ISHAK
AHMAD RAFLIS CHE OMAR**

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota/ *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA/
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli/ *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh/ *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh/ *Printed in Malaysia by*
MASSA CREATIVE ENTERPRISE
Back side of GF-03A, Menara Paragon, Persiaran Bestari, Cyber 11,
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-152-7

Kandungan

Senarai Jadual & Rajah ... 7

Prakata ... 9

BAB 1 Etika dan Pembangunan ... 11

BAB 2 Pemikiran dalam Pembangunan ... 25

BAB 3 Tadbir Urus Pembangunan ... 63

BAB 4 Pemikiran Etika dalam Pembangunan ... 89

BAB 5 Pelaksanaan Pertimbangan Etika dalam Pembangunan ... 105

BAB 6 Prinsip Etika Teleodologi ... 122

BAB 7 Prinsip Etika Deontologi ... 133

BAB 8 Rasuah, Hadiah dan Derma ... 152

BAB 9 Amalan Clientalism Politik dan Patrimonialism dalam
Pembangunan ... 174

BAB 10 Etika dalam Mengurus Kepelbagaian (diversity) ... 188

BAB 11 Inovasi, Keusahawanan dan Pembangunan ... 204

BAB 12 Etika dalam Entiti Perniagaan ... 225

6 / Etika dan Pembangunan Masyarakat

BAB 13 Etika Individu dalam Organisasi ... 239

BAB 14 Penerapan Etika dalam Kawalan Pembangunan ... 251

BAB 15 Dilema Etika Penerima Pembangunan ... 267

Rujukan ... 277

Indeks ... 287

Prakata

Proses pembangunan masyarakat dan negara merupakan proses yang kompleks dan berhadapan dengan pelbagai cabaran. Pelbagai pendekatan digunakan dalam mengusahakan sesuatu pembangunan berdasarkan pemikiran teori pembangunan yang dipegang. Namun apa juga pendekatan dan strategi yang digunakan tidak mampu menjamin kesempurnaan pencapaian matlamat yang disasarkan. Pembangunan yang bermutu tinggi harus dapat memenuhi aspirasi ahli masyarakat dan dapat dinikmati oleh semua tanpa meminggirkan mana-mana pihak dalam masyarakat. Namun elemen terpenting dan kritikal yang menentukan kejayaan sesuatu usaha pembangunan ialah manusia yang berada dalam konteks tersebut. Dalam skop manusia sebagai faktor penting dalam sesebuah pembangunan, aspek etika manusia tersebut merupakan sesuatu yang berpengaruh menentukan sejauhmana matlamat pembangunan boleh dicapai.

Herotan dan penyisihan boleh berlaku samada disebabkan oleh kurangnya kesedaran etika dalam kalangan agen perancang, pelaksana, pemantau, penguatkuasa dan penyampai. Dalam konteks hubungan agensi, nilai etika individu adalah sangat penting bagi memastikan tindakan dan perlakuan yang memenuhi jangkaan prinsipal. Selain itu persoalan etika tidak hanya berlegar pada isu berkaitan agen pembangunan, sebaliknya turut relevan diperkatakan dalam konteks penerima pembangunan. Isu-isu penyalahgunaan bantuan, sikap tidak amanah dan perlakuan tidak patriotik yang ada pada penerima pembangunan turut mengganggu keberkesanan program pembangunan yang dirangka. Justeru isu etika dan pembangunan terlalu penting untuk difahami kerana sejauhmana nilai dan manfaat proses pembangunan kepada kelompok sasaran, ahli masyarakat dan negara dapat dicipta dan disampaikan dengan efektif dan optimum adalah bergantung kepada etika dan integriti agen-agen penyampai dan penerima pembangunan. Ini merupakan asas inspirasi yang membawa kepada penulisan buku ini.

Kurangnya karya ilmiah yang membicarakan tentang etika dan pembangunan berasaskan teori dan aplikasi, khususnya dalam Bahasa Melayu, mendorong penulis menghasilkan buku ini yang juga merupakan edisi terbaharu kepada karya lalu bertajuk Etika dan Pembangunan bagi

menambah rujukan ilmiah tempatan mengenai fenomena penting dan kompleks ini secara lebih komprehensif dan terkini. Buku ini memaparkan perbincangan yang memberi pendedahan mengenai isu etika yang sering berlaku dalam proses mengurus pembangunan. Kandungan bab juga telah diperluas skop perbincangannya dengan mengambil kira cabaran etika yang wujud di peringkat operasi harian organisasi dan isu etika dalam konteks perniagaan. Ia diharap dapat membina kesedaran dan mendorong ke arah pembudayaan etika dan integriti dalam kalangan masyarakat Malaysia; seiring dengan sasaran Malaysia untuk menjadi negara maju dalam acuan sendiri dengan mengiktiraf moral dan nilai murni sebagai elemen penting jati diri bangsa dan tamadun. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membiayai penerbitan buku ini di bawah Dana Penerbitan Buku (DPB) dengan kod DPB-2023-151.

Suraiya Ishak
Ahmad Raflis Che Omar

*Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor.*